General

Delegasi Pengarah-pengarah Keselamatan Universiti bersidang di UMPSA

6 February 2025

PEKAN, 5 Februari 2025 – Seramai 20 orang Pengarah Keselamatan seluruh universiti awam (UA) telah bersidang di Mesyuarat Jawatankuasa Pengarah-pengarah Keselamatan Universiti Awam (JPKUA) Kali-33 pada 4 dan 5 Februari di UMPSA Pekan.

Mesyuarat pada hari pertama telah dimulakan dengan Forum Keselamatan Universiti Awam

Malaysia di Auditorium Perpustakaan UMPSA Pekan.

Empat kertas kerja daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dibentangkan oleh Pengerusi JPKUA, DSP/KS Norazlan Mohamed.

Kertas kerja itu berkait dengan penggunaan aplikasi teknologi keselamatan, amalan terbaik dan perkembangan terkini memperkasakan kawalan keselamatan kampus dengan keunikan masing-masing.

Selain itu, beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias kerana telah menerima kunjungan ini dan menyatakan rasa kagum dengan keindahan kampus Pekan yang mempunyai banyak daya tarikan seperti Projek Solar Terapung dan Menara Jam.

Pendaftar UMPSA, Dato’ Saiful Bahri Ahmad Bakarim telah mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan dalam ucapan pembukaannya bagi memulakan Mesyuarat JPKUA pada hari kedua yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), UMPSA Pekan.

Disediakan Oleh: Lt. Kdr (B) Ahmad Fauzi Ahmad Bakti, Bahagian Keselamatan

TAGS / KEYWORDS

Delegasi Pengarah Keselamatan Universiti

- 192 views

View PDF